

Gaya Bahasa Kiasan dan Retorik Dalam Titah Sultan Perak DYMM Sultan Nazrin Shah

Figurative and Rhetorical Language Style of the Speech of His Royal Highness Sultan Nazrin Shah the Sultan of Perak

Hussin, M. (Corresponding author)*
E-mail: mohamadhussin@um.edu.my

Yahaya, S.R.*
E-mail: samsur@um.edu.my

*Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abstrak

Kajian ini merupakan kajian teks yang menfokuskan kepada gaya bahasa kiasan dan retorik yang diterapkan dalam titah Sultan Perak, DYMM Sultan Nazrin Shah. Objektif kajian ialah untuk meneliti gaya bahasa kiasan dan retorik yang diterapkan oleh baginda dalam titah rasmi serta idea yang ingin dipersembahkan. Untuk mencapai objektif berkenaan, titah baginda sempena “Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara” telah dijadikan sebagai sampel kajian. Manakala pendekatan Gorys Keraf dan Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown dijadikan sebagai landasan. Gaya bahasa kiasan dan retorik yang terdapat dalam teks kajian dikeluarkan dan dicerakinkan mengikut jenis-jenisnya. Hasil kajian mendapati Sultan Nazrin Shah mengaplikasi pelbagai gaya bahasa kiasan dan retorik dalam titah baginda. Pendekatan metafora, personifikasi, simile, alegori, sinekdoke, aliterasi, asonansi, asindeton, tautologi, hiperbola dan paronomasia diaplikasikan dengan berkesan untuk menyampaikan idea. Ketinggian budi pekerti Sultan Nazrin Shah sangat seimbang dengan daya intelektual yang baginda miliki. Titah seumpama ini menjadi trademark baginda sebagai sultan dan pemerintah di Negeri Perak, selari dengan hasrat baginda memartabatkan bahasa kebangsaan. Implikasi daripada

kajian ini menonjolkan kemampuan Bahasa Kebangsaan yang apabila didaulatkan, mampu berperanan sebagai bahasa penghubung antara istana dengan rakyat jelata. Oleh yang demikian, kajian berkaitan wacana kepimpinan seumpama ini wajar diketengahkan demi untuk membantu mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

Kata Kunci: *Gaya Bahasa Kiasan; Gaya Bahasa Retorik; Sultan Nazrin Shah; Titah Diraja*

Abstract

This study is a textual analysis on the figurative and rhetorical language style used in the speche of DYMM Sultan Nazrin Shah, the Sultan of Perak, in conjunction with the “Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara” convention. The objective is to examine the direct and indirect language styles used by the King in his formal speech and ideas he intended to convey. Gorys Keraf and Enos & Brown’s Modern Rhetorical Theory provides the theoretical grounding for this study. Both the figurative and the rhetoric expressions were extracted and classified according to suitable types. Results of the study show that Sultan Nazrin Shah has used various figurative and rhetoric language styles in his

speech. These included the use of metaphor, personification, simile, antithesis, allegory, synecdoche, alliteration, assonance, acetone, tautology, hyperbole and paronomasia. The dignity of the Sultan Nazrin Shah is very much in line with his intellectual powers. His form of articulation has thus become his trademark as a sultan and a ruler of the State of Perak, in line with his desire to uphold Malay as the national language. The study also shows the sovereignty of the Malay language that, when upheld, could be the language that bridges the royal and the people. Hence, a research on leadership discourse such as this ought to be sanctioned in order to further strengthen Malay as the national language of Malaysia.

Keywords: *Figurative Language; Rhetoric; Sultan Nazrin Shah; Royal Address*

Pendahuluan

Titah diraja adalah sebahagian daripada warisan yang dipraktikkan dalam sistem monarki beraja sejak dahulu lagi. Naratif retorik Diraja dalam tamadun neo-Assyrian contohnya memainkan peranan dalam membentuk pemikiran rakyat (Winter, 1981). Ratu England, Queen Elizabeth II menggunakan gaya penghujahan yang sangat bervariasi dalam menyampaikan titah (Mavrodieva, 2020). Manakala kerabat Diraja British didapati menonjolkan rangkaian emosi yang terhad dalam pengucapan yang menggambarkan tingkah laku terkawal yang dikenakan oleh status Diraja serta latar belakang sosio budaya mereka (Natalya, 2018).

Di Malaysia, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, raja dan pemerintah negeri Perak didapati mengenengahkan bahasa puitis dalam titah baginda. Unsur seperti metafora, kiasan, perumpamaan dan paronomasia diselit dengan begitu kemas teranyam dalam

titah baginda. Hal ini menyebabkan titah baginda begitu indah dan menarik. Ungkapan seperti insan bisu menikus takut, bahasa Melayu perlu diberi nyawa, diberi tempat, anak-anak desa yang bersarapan pisang goreng dan ubi rebus, menggugurkan yang dikendong kerana mengejar sesuatu yang belum pasti dapat, bangsa menjadi Pak Kadok - menang sorak kampung tergadai menghiasi titah baginda dalam “Majlis titah diraja” (2016). Baginda turut mempunyai penghayatan bahasa yang tinggi apabila mengaitkan maksud rangkai kata “kira-kira” dalam lirik “lagu tiga kupang” yang berbunyi “raja dalam rumah buat kira-kira, suri rumah dalam rumah makan roti gula” dengan menyatakan bahawa perkataan “kira-kira” dalam lirik lagu itu bukan bermaksud membuat kira-kira matematik, tetapi bermaksud raja sentiasa waspada melakukan perkiraan atau percaturan mengenai pemerintahan serta negara (Sinar Harian, 2019, Oktober 18).

Hal ini menonjolkan keprihatinan baginda kepada kehalusan bahasa Melayu. Sementara pula kedudukan baginda sebagai seorang raja yang berpegang kepada wasiat untuk mengabadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang ditegaskan baginda ketika merasmikan “Seminar Antarabangsa Legasi Pemikiran Syed Hussein al-Atas” (2009). Perkara yang sama dinyatakan dalam karya baginda yang berjudul *The Monarchy in Contemporary Malaysia* (Nazrin Shah, 2004).

Selain itu, elemen fakta juga turut mewarnai titah baginda. Maklumat sejarah yang jarang diketahui umum diadun dan disampaikan dengan berkesan dalam titah penting baginda. Dalam memperkatakan tentang perjuangan menobatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, baginda menukilkan peranan yang dimainkan oleh Raja Melayu yang berusaha menetapkan

bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan (“Majlis titah diraja”, 2016). Dalam memperkatakan tentang kepekaan raja-raja memahami denyut nadi rakyat, baginda mengaitkan fakta kebimbangan para sultan dan raja terhadap pelantikan Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya British di Tanah Melayu pada tahun 1948 berasaskan sejarah yang pernah dilakukan beliau terhadap penduduk Arab, ketika bertugas sebagai Setiausaha Negara di Palestin (“Konvensyen memperkukuh pasak negara”, 2017).

Kajian retorik terdahulu lebih menumpukan kepada pidato tokoh politik tempatan. Kajian Zulkifli Ahmad Hamid (1985) menyoroti ucapan Tunku Abdul Rahman untuk meninjau peristiwa politik yang berlaku dalam era sebelum kemerdekaan. Penelitian Zoriati Osman (1995) terhadap teks ucapan Abdul Hadi Awang mendapati terdapat dua aspek bahasa yang paling menonjol dalam ucapan beliau, iaitu penggunaan unsur ragam bahasa, dan bahasa kiasan. Manakala Rahim Aman & Norfazila Ab Hamid (2005) yang meneliti pidato Tengku Razaleigh mendapati wacana pengucapan tokoh ini mengandungi praktis kepemimpinan melalui elemen wacana monolog interaktif, argumentasi, narasi, deskripsi, hujahan, dan ekspresi. Kajian oleh Nurulain Abdul Razak et al. (2016) meneliti elemen retorik dalam titah pembukaan sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan oleh Sultan Muhammad V. Kajiannya mendapati Sultan Muhammad V menggunakan elemen aliterasi, polisindeton, repitisi, soalan retorik, metafora, simile, alusi, dan kosa kata asing Inggeris dan Arab dalam titah baginda.

Hakikatnya, bahasa boleh dimanipulasi untuk menimbulkan rasa khusus yang mengandungi estetika melalui pemilihan kata, pemilihan struktur sintaksis, pemakaian dan pemilihan bahasa figuratif, ungkapan, peribahasa, kiasan dan sindiran (Keris Mas,

1988). Menurut Tarigan (1981) terdapat tujuh fungsi bahasa iaitu fungsi instrumental, regulasi, pemerian, interaksi, peribadi, heuristik dan imajinatif. Hakikat kepelbagaian fungsi bahasa akan melahirkan kepelbagaian gaya bahasa yang sesuai dengan fungsinya. Dalam hal ini, retorik memainkan peranan penting dalam mendukung sesuatu fungsi bahasa. Tanpa retorik penutur tidak mampu menyampaikan idea seperti yang dihajatkan kerana tidak semua pengucapan boleh disampaikan secara literal semata-mata.

Gaya bahasa mencerminkan kebolehan individu dalam menyampaikan sesuatu mesej dengan menggunakan bahasa yang bercirikan ketepatan dan menarik (Nik Safiah Karim, 1988). Titah Sultan Nazrin Shah yang sarat dengan fakta serta dijalin dengan elemen gaya bahasa berfungsi menarik minat khalayak menghayatinya. Selaras dengan kepentingan gaya bahasa dalam melengkapkan kemahiran, ketrampilan dan seni berbahasa, maka kajian gaya bahasa secara mendalam dan terperinci dengan menggunakan teks titah baginda sebagai sampel kajian wajar dilaksanakan. Melalui kajian ini titah diraja ditonjolkan dan gagasan daripada institusi raja boleh dirakytakan sepertimana hasrat baginda yang menitahkan agar institusi diraja dirakytakan (Sinar Harian, 2019, Oktober 18).

Sebagai individu dan sultan, baginda memiliki kelebihan berbahasa. Keselesaan baginda mengungkapkan fakta dengan menjalinkannya dengan elemen retorik menjadikan bahasa yang ditutur penuh santun. Oleh itu, baginda secara sedar mengetahui dan mengamalkan gaya bahasa begini sehingga menonjolkan lagi aspek ketinggian budi pekerti. Pada peringkat awal ini, dapat dirumuskan secara sementara bahawa baginda melakukan semua ini dalam keadaan penuh sedar, dan tindakan baginda


ini dengan sendirinya telah meletakkan titah baginda sebagai suatu *benchmark*. Oleh yang demikian kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti kehalusan gaya bahasa baginda dalam titah rasmi. Melalui penelitian ini, elemen gaya bahasa dibahaskan, matlamat dan tujuan pengucapan dibincangkan. Pendekatan ini akan menzahirkan idea yang ingin diketengahkan oleh pewacana melalui kehalusan gaya bahasa yang digunakan dalam menyampaikan idea.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis aspek gaya bahasa langsung dan tidak langsung dalam titah Sultan Nazrin Shah. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis elemen berkenaan dalam teks titah baginda sempena “Konvensyen Memperkukuh Pasak Negara” yang berlangsung pada 5 Ogos 2017 di Hotel Marriott, Putrajaya. Titah berkenaan mempunyai 55 para, 128 ayat dan 6885 perkataan. Teks ini dilabelkan sebagai wacana kepimpinan kerana baginda menonjolkan sifat kepimpinannya melalui butiran kalimat yang dilontarkan, selain kedudukan pewacana sebagai seorang sultan yang menyampaikan amanat kepada hamba rakyat. Seterusnya, pada teks ini ditandai setiap satu elemen gaya bahasa yang dikaji dan disenaraikan secara tematik bagi tujuan untuk memudahkan analisis. Setelah semua data tersebut dipersiapkan berdasarkan urutan, barulah analisis dimulakan dengan menumpukan kepada elemen yang disasarkan iaitu elemen kehalusan bahasa yang dipersembahkan beserta dengan maksud yang hendak disampaikan oleh baginda.

Dalam melakukan analisis, pendekatan gaya bahasa berdasarkan langsung dan tidak

langsung makna oleh Gorys Keraf (2000) dijadikan sebagai landasan. Gorys Keraf (2000) membahagikan gaya bahasa berdasarkan langsung dan tidak langsung makna kepada dua iaitu gaya bahasa retorik dan gaya bahasa kiasan. Pembahagian setiap kategori boleh diringkaskan seperti rajah 1 berikut:



Rajah 1: Gaya Bahasa Berdasarkan Langsung dan Tidak Langsung Makna Menurut Gorys Keraf (2000)

Manakala dalam melakukan analisis fungsi retorik, Teori Retorik Moden dijadikan landasan. Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993) seperti dalam Sobariah (2008), Nurulain & Che Ibrahim (2016) dan Asrul Azuan & Hajah Nor Azuwan (2015) berasaskan kepada lima prinsip seperti berikut:

1. Retorik mempunyai penyimpangan bentuk bahasa.
2. Retorik mempunyai penyimpangan dari sudut makna.
3. Retorik bertujuan memberi kesan yang lebih mendalam.
4. Retorik mementingkan estetika dalam pemilihan diksi dan penyusunan ayat.
5. Pemahaman dan penginterpretasian petanda atau ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat.

Dapatan Kajian

(a) Gaya Bahasa Kiasan Dalam Titah Sultan Nazrin

Gaya bahasa kiasan dibentuk berdasarkan kepada perbandingan atau persamaan antara dua perkara. Melalui pendekatan ini ciri-ciri persamaan antara dua perkara yang dibandingkan akan dicari (Gorys Keraf, 2000; Nik Safiah Karim, 1988). Antara gaya bahasa kiasan yang dikesan telah diterapkan oleh Sultan Nazrin dalam titah baginda adalah:

1. Metafora

Metafora merupakan gaya bahasa perbandingan yang bersifat memberi perbandingan secara langsung tetapi dalam bentuk yang singkat (Gorys Keraf, 2000). Metafora berfungsi menambahkan kekuatan pada suatu ayat (Tarigan, 1987). Hal ini kerana metafora mampu memberi perbandingan antara dua situasi atau perkara untuk mencipta suatu kesan mental yang hidup walaupun tidak dinyatakan secara eksplisit dengan penggunaan kata perbandingan seperti ibarat, bagaikan, umpama, bak, laksana dan seperti. Pengguguran kata perbandingan ini menyebabkan gaya metafora lebih ringkas, padat dan singkat.

Sultan Nazrin menggunakan metafora berikut dalam memerihal sesuatu gambaran, keadaan dan peristiwa:

1. Institusi Raja *berakar umbi* di bumi ini lebih enam abad yang lalu (para 3).
2. menurunkan mohor perkenan kepada setiap dokumen yang dipersembahkan, dengan *mata tertutup, mulut terkunci* dan *tangan terikat* (para 27).
3. Raja perlu menganalisis segala fakta secara teliti, halus lagi mendalam,

membezakan *antara padi dengan antah, antara kaca dengan permata*, sebelum mengaplikasikan kuasa budi bicara (para 31).

4. *Raja tidak dibuai dalam khayalan dan tidak diulit dengan gurindam kepalsuan* (para 32).

Dalam menggambarkan lamanya masa kewujudan institusi beraja di negara ini baginda menggunakan metafora *berakar umbi*. Perlakuan berakar dan berumbi yang biasanya disandarkan kepada pepohon kayu keras digunakan secara metafora untuk merujuk kepada institusi beraja. Hasrat yang ingin diketengahkan ialah lamanya tempoh pertapakan institusi beraja di alam Melayu.

Dalam para ke-27, baginda menggunakan metafora *mata tertutup, mulut terkunci* dan *tangan terikat* untuk memberi gambaran mengenai situasi yang tidak harus berlaku dalam institusi beraja. Baginda menggambarkan institusi seumpama itu bagaikan boneka yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan terpaksa menerima segala apa yang dipersembahkan untuk diperkenankan.

Manakala metafora *tidak dibuai dalam khayalan* dan *tidak diulit dengan gurindam kepalsuan* digunakan oleh baginda untuk menyatakan keperluan raja sentiasa disembahkan oleh penasihat sekeliling dengan pandangan yang tepat, secara objektif, berlandaskan kebenaran dan berteraskan fakta. Bukan sekadar mempersembahkan fakta dan maklumat palsu yang penuh kepura-puraan. Hal ini demikian bagi menjamin keputusan yang dirumuskan adalah tepat.

Membezakan *antara padi dengan antah, antara kaca dengan permata* digunakan secara metafora untuk menggambarkan ketelitian para raja dalam merumus sesuatu

perkara yang dipersembahkan. Ternyata pendekatan yang digunakan bukan sahaja bertujuan untuk menzahirkan bahasa yang berwarna warni dan berbunga-bunga seperti dalam prinsip pertama retorik, tetapi juga mengandungi unsur-unsur penyimpangan makna, selain memberikan kesan lebih mendalam kepada makna. Untuk memahami makna yang ingin dizahirkan, pendengar perlu memiliki keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat sehingga mampu mengaitkan antara padi dan antah dan kaca dan permata. Hal ini bertepatan dengan prinsip retorik kelima yang menyarankan bahawa penginterpretasian ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat kerana titik kebenaran semantik tidak akan diperoleh jika makna yang difahami hanya berupa makna literal semata-mata.

2. Personifikasi

Personifikasi merupakan gaya bahasa kiasan yang menggambarkan benda-benda mati atau barang-barang yang tidak bernyawa seolah-oleh memiliki sifat-sifat kemanusiaan (Gorys Keraf, 2000). Ini bermaksud penutur memberikan ciri-ciri kualiti peribadi orang kepada benda yang tidak bernyawa atau memberikan sifat-sifat insan kepada benda yang tidak bernyawa dan idea yang abstrak (Tarigan, 1987). Personifikasi yang dikesan dalam teks adalah seperti berikut:

1. *Beta pelajari dan berguru daripada rintihan suara rakyat* di serata pelosok negara (para 2).
2. Institusi Raja Melayu adalah subjek yang amat *menghidupkan minda* beta (para 2).
3. *berpegangkan semangat*, mengekalkan yang dikendong dalam usaha mencipta yang baru (para 3/10/46).

4. Raja-Raja Melayu peka dan *memahami denyut nadi dan denyut jantung* rakyat (para 6).
5. kedaulatan Raja *diberikan wajah baru, dirangkaikan dengan suara rakyat* dalam satu ikatan harmoni (para 10 & 16).
6. betapa *keindahan adat – betapa kekayaan budaya, kukuh teranyam* (para 11).
7. Sistem berkerajaan dan bernegara *berpayungkan Raja* (para 17).
8. mengandungi *semangat dan roh negara* (para 17).
9. Raja Pemerintah ... *memberi nafas – mengisi roh* kepada institusi (para 37).
10. *berpayungkan Raja, bertiangkan Islam, bersalut budaya dan bahasa peribumi* (para 17).
11. *dianyam di dalam Perlembagaan Persekutuan*, menyentuh tujuh perkara utama, seringkali dirujuk pada hari ini sebagai tujuh wasiat Raja-Raja Melayu (para 18).
12. *berteraskan amalan demokrasi, berakarkan doktrin pengasingan kuasa* (para 24).
13. *media baru semakin mencanai minda* masyarakat (para 42).
14. *diikuti oleh istana* secara dekat, diteliti dan dihalusi (para 48).
15. Raja bergantung kepada *amal makruf* yang telah disempurnakan untuk *menjadi Peguam Belanya* (para 49).

Klausa-klausa seperti *belajar dan berguru daripada suara rintihan, menghidupkan minda, berpegangkan semangat, memahami denyut nadi, kedaulatan raja diberikan wajah baru, keindahan adat – kekayaan budaya kukuh teranyam, berpayungkan Raja, semangat dan roh negara, Raja memberi nafas – mengisi roh, bertiangkan Islam, bersalut budaya, dianyam di dalam Perlembagaan, berteraskan amalan demokrasi, berakarkan doktrin pengasingan*

kuasa, media baru *mencanai minda*, *diikuti oleh istana*, *amar makruf menjadi peguam bela* mempunyai unsur-unsur personifikasi. Dalam contoh-contoh ini unsur bukan manusia diberikan sifat manusia untuk mengindahkan dan menambahkan kekuatan kepada gaya bahasa. Suara rintihan rakyat diibaratkan bagaikan benda bernyawa yang boleh manusia berguru dengannya. Minda pula diberikan sifat hidup yang ternyata sifat manusia. Begitu juga dengan semangat yang diberikan sifat benda maujud yang boleh dipegang. Manakala raja digambarkan berperanan memberi nafas dan mengisi roh kepada perlembagaan untuk menunjukkan kepentingan institusi beraja di negara ini. Negara juga seakan benda bernyawa apabila dipadankan klausa berpayung kepada perkataan berkenaan. Begitulah juga contoh-contoh lain yang diadaptasikan dengan berkesan oleh baginda untuk menajamkan lagi bahasa dan idea yang ingin disampaikan. Ternyata pembaca atau pendengar perlu merujuk kepada konteks sosiobudaya penutur untuk menginterpretasikan makna setiap ungkapan berkenaan. Hal ini bertepatan dengan prinsip kelima teori yang menegaskan bahawa pemahaman dan penginterpretasian petanda atau ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat.

3. Simile

Gaya bahasa simile adalah lawan kepada gaya bahasa metafora. Simile merupakan perbandingan eksplisit antara dua benda dengan menggunakan kata-kata bandingan. Simile menyatakan secara langsung sesuatu itu sama dengan hal yang lain. Oleh hal yang demikian, simile memerlukan upaya yang secara eksplisit menunjukkan kesamaan iaitu kata bandingan seperti sama, sebagai, bagai, laksana, macam, seperti, umpama dan sebagainya (Gorys Keraf, 2000; Ab. Rahman

Ab. Rashid, et.al., 2004). Penggunaan simile yang dikesan dalam teks kajian adalah seperti berikut:

1. pemahaman warga terhadap Institusi Raja *bagaikan berada di dua penghujung pendulum* (para 51).
2. rakyat itu *umpama* akar, raja itu *umpama* pohonnya; jikalau tiada akar nescaya tiada akan dapat berdiri (para 21).
3. adalah satu kesilapan untuk memikirkan bahawa peranan seorang Raja Pemerintah itu sama *seperti* seorang Presiden, terbatas kepada apa yang tersurat di dalam Perlembagaan (para 33).

Dalam contoh 1, baginda menggunakan simile bagi membuat perbandingan secara langsung dengan menggunakan kata pembanding “bagaikan”. Idea yang ingin diketengahkan ialah pemahaman rakyat Malaysia terhadap institusi beraja pada hari ini terbahagi kepada dua kelompok. Ada yang merasai keperluan institusi berkenaan dan ada pula yang sebaliknya. Kedua situasi yang saling tidak sehaluan itu digambarkan bagaikan sesuatu yang berada di hujung pendulum jam yang saling tidak bertemu. Situasi dua pendulum yang saling tidak sehaluan yang dijadikan sebagai perlambangan bagi menunjukkan perbezaan pemahaman antara dua kelompok rakyat berkenaan. Pendengar memerlukan set konteks yang relevan dengan situasi untuk memahami idea yang diinginkan. Penggunaan gaya simile bukan sahaja memberikan kelainan bentuk dan makna seperti yang dinyatakan dalam prinsip pertama dan kedua retorik, malah turut memberikan unsur keindahan dan estetika, serta memberikan kesan yang lebih mendalam seperti yang diusulkan dalam prinsip ketiga dan keempat retorik.

Dalam menggambarkan hubungan akrab antara raja dengan rakyat, baginda menggunakan kata perbandingan *umpama*, manakala pohon dijadikan sebagai objek perbandingan. Rakyat diumpamakan seperti akar, manakala raja pula bagaikan pohonnya. Idea yang ingin diketengahkan ialah sistem beraja tidak akan tegak berdiri sekiranya tidak dengan sokongan rakyat sepertimana pohon juga tidak akan tegak berdiri jika tiada akar. Kedua elemen, akar dan pohon saling melengkapi antara satu sama lain.

4. Alegori

Alegori ialah metafora yang mengalami perluasan dan mengandungi ajaran-ajaran moral (Gorys Keraf, 2000). Alegori ditakrifkan sebagai suatu cerita singkat yang mengandungi kiasan dan makna kiasan itu harus ditarik dari bawah permukaan ceritanya (Gorys Keraf, 2000). Dalam alegori, unsur-unsur utama menyajikan sesuatu yang terselubung dan tersembunyi. Oleh sebab maksudnya terselindung, para pembaca semakin ghairah untuk menyingkap maknanya (Sobariah, 2018). Alegori yang terdapat dalam teks ialah:

1. *benang habis – kain tak jadi, jarum patah – baju tak siap* (para 53).
2. *tidakkan bulat datang menggolek – tidakkan pipis datang melayang* (para 40).
3. *air tempayan tidak terlalu cepat dicurahkan kerana mendengar guruh di langit* (para 52).
4. *di mana bumi dipijak – di situ langit dijunjung* (para 3).

Dalam contoh 1 baginda meluahkan harapannya agar rakyat tidak tersalah membuat perhitungan dalam situasi politik semasa. Orang yang tersilap dalam perhitungan diibaratkan umpama orang yang kehabisan benang sedangkan kain yang

ditenun tidak jadi-jadi, atau situasi orang membuat baju untuk dipakai tetapi jarum pula patah sebelum menyelesaikan kerjanya. Ternyata pemilihan gaya ini begitu berkesan kerana berjaya memaparkan situasi yang seakan menghidupkan gambaran yang dibina. Pendengar akan membayangkan situasi berkenaan sambil menghayati barisan ayat dalam titah baginda.

Dalam contoh 2, keperluan seorang raja dan kerabatnya mempunyai tahap pencapaian, mempamerkan perilaku dan keperibadian sejajar dengan kemuliaan yang diberikan diterjemahkan dengan menggunakan pendekatan alegori. Baginda membuat penegasan bahawa kemuliaan dan kedaulatan yang diterima haruslah diterjemahkan dengan menunjukkan pencapaian terbaik dan keperibadian yang tinggi. Hal ini kerana semua perkara memerlukan usaha untuk memperolehinya seumpama objek yang bulat juga memerlukan usaha menggolek barulah akan bergerak. Manakala dalam contoh 3, pepatah “air tempayan tidak terlalu cepat dicurahkan kerana mendengar guruh di langit” diadun kemas untuk menyatakan keperluan warga membuat sesuatu keputusan yang tepat dalam era modenisasi ini. Orang yang tersalah membuat perhitungan seumpama orang yang sudah mencurahkan air simpanan semata-mata kerana mendengar guruh di langit, sedangkan hujan belum lagi turun.

Dalam contoh 4, keperluan menghormati raja, adat resam dan undang-undang Melaka setiap masa semasa era pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka pula digambarkan dengan menggunakan pepatah di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

5. Sinekdoke

Sinekdoke ditakrifkan sebagai bahasa figuratif yang mempergunakan sebahagian

daripada sesuatu untuk menyatakan keseluruhan atau mempergunakan keseluruhan untuk menyatakan sebahagian (Gorys Keraf, 2000). Terdapat satu penggunaan unsur ini dalam teks kajian iaitu titahnya “Raja dan kerabat Diraja tidak terkecuali daripada sasaran *lensa* dan *pena media*” (para 42).

Baginda menyatakan *lensa* dan *pena* iaitu sebahagian daripada medium yang digunakan oleh pihak media untuk menyebarkan berita, sedangkan yang dimaksudkan ialah sebaran media berkenaan. Justeru baginda mempergunakan sebahagian daripada sesuatu untuk menyatakan keseluruhan perkara berkenaan. Hal ini bertepatan dengan prinsip pertama teori yang mengusulkan bahawa retorik mempunyai penyimpangan bentuk bahasa dan tonggak keempat yang mengusulkan bahawa retorik mengutamakan estetika dalam pemilihan diksi.

6. Paronomasia

Paronomasia ialah bahasa kiasan dengan mempergunakan kemiripan bunyi. Ia merupakan permainan kata yang didasarkan pada kemiripan bunyi tetapi terdapat perbezaan besar dalam maknanya (Gorys Keraf, 2000). Terdapat juga penggunaan elemen ini dalam teks kajian:

1. Terpahat secara *tersirat* – tertera secara *tersurat* (para 18).
2. Pendalaman fahaman agama menyedarkan manusia akan *kuasa* yang Maha Agung di atas segala *kuasa* dan segala kerajaan di dunia (para 42).
3. berpeganglah kepada prinsip, bahawa *kuasa* yang diamanahkan tidak harus mengatasi *kuasa* ILAHI (para 46).

Dalam contoh-contoh di atas terdapat beberapa perkataan yang digunakan yang

mempunyai kemiripan bunyi, akan tetapi makna setiap perkataan ini adalah berbeza. Perkataan “tersirat” adalah antonim kepada perkataan “tersurat”, perkataan “kuasa” yang pertama dalam para 42 merujuk kepada kuasa mutlak Allah SWT, manakala “kuasa” kedua merujuk kepada kuasa pemerintahan manusia di atas muka bumi. Begitu juga dengan perkataan “kuasa” yang pertama dalam para 46 merujuk kepada kuasa pemerintahan raja, manakala “kuasa” yang kedua pula merujuk kepada kekuasaan mutlak Allah SWT. Penggunaan unsur pertengahan makna ini menghasilkan ucapan yang berwarna-warni yang bertepatan dengan prinsip pertama teori yang menekankan penyimpangan bentuk bahasa dengan penekanan kepada bahasa berbentuk tidak lurus dan langsung seperti bentuk bahasa biasa. Sebaliknya, bahasa retorik lebih berwarna-warni dan berbunga-bunga.

(b) Gaya Bahasa Retorik Dalam Titah Sultan Nazrin

Gaya bahasa retorik termasuk dalam gaya bahasa yang maknanya diertikan menurut bentuk lahirnya. Bahasa yang digunakan ialah bahasa biasa yang memberi makna langsung tetapi terdapat penyimpangan daripada konstruksi biasa untuk mencapai kesan tertentu (Gorys keraf, 2000). Gaya bahasa ini didasarkan kepada pengaruh yang ditimbulkan oleh pilihan kata yang tidak lazim atau susunan kata yang luar biasa (Nik Safiah Karim, 1988). Elemen gaya bahasa retorik yang terdapat dalam teks boleh dikategorikan seperti berikut:

1. Aliterasi

Aliterasi adalah sejenis gaya bahasa yang terhasil melalui perulangan konsonan yang sama. Gaya bahasa ini biasanya digunakan untuk menghiasi ungkapan atau untuk memberi penekanan (Gorys Keraf, 2000).

Penggunaan aliterasi dalam teks kajian adalah seperti berikut:

1. sembilan raja pemerintah di negeri-negeri Melayu, memberikan perkenan, menurunkan tanda tangan (para 1).
2. Apabila raja menemui kata muafakat, warga mencapai kata sepakat. (para 15).
3. Kebijaksanaan menggunakan budi bicara secara tepat, betul, adil dan pada masanya, amatlah penting, yang memerlukan hikmah dan dizahirkan secara berhemah (para 35).
4. Raja-Raja tidak daripada kalangan insan yang buta penglihatan, pekak pendengaran dan bisu pertuturan (para 20).

Pengulangan bunyi konsonan yang sama dalam klausa “perkenan – tanda tangan”, “muafakat – kata sepakat”, “hikmah – berhemah”, “penglihatan – pendengaran – pertuturan” berhasil mencipta rima kepada ucapan yang disampaikan. Hal ini bertepatan dengan prinsip keempat teori yang mementingkan estetika dalam pemilihan diksi, di samping bertujuan menghaluskan makna, menajamkan rasa, dan mempengaruhi khalayak seperti yang dinyatakan dalam prinsip ketiga teori.

2. Asonansi

Asonansi ialah gaya bahasa yang terhasil dengan perulangan bunyi vokal yang sama. Biasanya asonansi digunakan untuk memperoleh efek penekanan atau sekadar keindahan (Gorys Keraf, 2000). Dalam contoh berikut terdapat juga penggunaan elemen ini:

1. Raja berperanan sebagai *tonggak kestabilan – sumber keadilan, teras perpaduan – payung penyatuan* (para 24).

2. akhirnya negara ter*gadai* dan warga ber*kecai* (para 41).

Pengulangan bunyi pada klausa “kestabilan – keadilan, teras perpaduan – payung penyatuan, ter*gadai* – ber*kecai*” berperanan memberikan kesan penekanan kepada perkara yang ingin disampaikan di samping menimbulkan unsur keindahan dalam ucapan. Ternyata aspek pemilihan diksi ada peranannya dalam sebuah pengucapan seperti yang ditegaskan dalam prinsip keempat teori.

3. Asindeton

Asindeton adalah suatu gaya yang berupa acuan yang bersifat padat dan mampat di mana beberapa kata, frasa atau klausa yang sederajat tidak dihubungkan dengan kata hubung. Bentuk-bentuk itu biasanya dipisahkan dengan koma sahaja (Gorys Keraf, 2000). Penggunaan gaya bahasa ini bertujuan menarik perhatian pendengar, di samping menjadikan penyampaian makna lebih berkesan, bahasa lebih indah dan menarik, walaupun salah dari segi tatabahasa (Sobariah, 2008).

Terdapat tujuh elemen asindeton yang diterapkan dalam teks seperti berikut:

1. Sembilan Raja Pemerintah di negeri-negeri Melayu, *memberikan perkenan, menurunkan tanda tangan menyerahkan kuasa pemerintahan masing-masing, membolehkan tertubuhnya sebuah Persekutuan* (para 1).
2. Amalan kesaksamaan terhadap rakyat *pelbagai agama, pelbagai kaum, pelbagai budaya, pelbagai bahasa* (para 3).
3. kedaulatan Raja diberikan wajah baru, *dirangkaikan dengan suara rakyat dalam satu ikatan harmoni, diluhurkan*

- dengan sebaik pendekatan dalam Perlembagaan Persekutuan (para 10)
4. Perlembagaan Persekutuan berperanan sebagai *carta dan kompas, sauh dan layar* kepada sebuah bahtera merdeka (para 16).
 5. Raja berperanan utama *memberi kepimpinan, menjadi contoh – menjadi teladan untuk dijadikan pedoman – memberi panduan, disandarkan harapan – memberi naungan* (para 37).
 6. Raja *dihormati – dimuliakan, dinobatkan - didaulatkan*, kerana Raja diiktiraf memiliki *kedudukan tertinggi dalam hierarki pemerintahan, tempat rakyat tumpang berteduh – tempat warga dapat berlindung* (para 37).
 7. *Agar Raja berdaulat lagi mulia, gagah lagi perkasa, memerintah secara adil lagi saksama, supaya negara aman, sentosa, selamat lagi sejahtera* (para 47).

Contoh 1 terdiri daripada tujuh frasa yang dihubungkan dengan tanda koma sahaja. Semuanya menceritakan secara menyeluruh proses pembentukan Persekutuan Tanah Melayu yang diawali dengan perkenan daripada raja dan pemerintah negeri-negeri Melayu. Dalam contoh 2, empat frasa yang diawali dengan perkataan pelbagai dihubungkan tanpa menggunakan kata hubung. Maksud yang diketengahkan ialah amalan kesaksamaan yang dipraktikkan oleh raja-raja Melayu dengan memberi keutamaan kepada kepelbagaian masyarakat yang membentuk rakyat Malaysia. Manakala dalam contoh 3, tiga kata kerja pasif berawalan /di/ dihubungkan antara satu sama lain tanpa menggunakan kata hubung untuk menyampaikan idea mengenai kedudukan kedaulatan raja-raja Melayu dalam perlembagaan negara yang berkonsepkan raja berpelembagaan dan demokrasi berparlimen. Untuk menyatakan peranan dan kedudukan Perlembagaan Persekutuan baginda menghubungkan dua frasa ayat iaitu

carta dan kompas, sauh dan layar tanpa menggunakan kata hubung seperti dalam contoh 4. Ideanya ialah perlembagaan berkenaanlah satu-satunya panduan dan pedoman dalam melakukan tadbir urus negara yang merdeka ini.

Ternyata elemen asindeton digunakan dengan agak kerap dalam titah baginda. Baginda didapati menggunakan gaya ini apabila ingin membuat penegasan tentang sesuatu perkara atau konsep. Hal ini jelas dalam contoh 5 dan 6 yang mana peranan raja dinyatakan satu persatu tanpa diselangi dengan kata hubung. Hal ini juga jelas dalam contoh 7 apabila kandungan doa yang dibacakan oleh khatib pada hari Jumaat dinyatakan satu persatu tanpa diselangi dengan kata hubung. Penggunaan gaya bahasa seperti ini menjadikan penyampaian maksud yang ingin disampaikan lebih berkesan, bahasa lebih indah dan menarik untuk didengar, di samping mampu menarik perhatian pendengar selaras dengan prinsip keempat teori yang menegaskan keperluan unsur estetika dalam pemilihan diksi.

4. Tautologi

Tautologi ialah acuan yang mempergunakan kata-kata yang lebih banyak daripada yang diperlukan untuk menyatakan sebuah idea atau gagasan (Gorys Keraf, 2000). Terdapat empat elemen ini yang diterapkan oleh Sultan Nazrin dalam tiga ayat iaitu:

1. Raja bukanlah monumen hiasan yang kaku, *tanpa nyawa – tanpa jiwa* (para 20).
2. *ditimbangan cerita – diimbangan berita* (para 48).
3. meliputi pelbagai perkara, *begitu menyeluruh*, digubal secara terperinci – *di halusi secara teliti*. (para 48).

Ayat-ayat dalam contoh 1, 2 dan 3 tetap teguh maknanya walaupun dengan cara menghilangkan petanda retorik *tanpa nyawa – tanpa jiwa* (ayat 1), *ditimbangan cerita – diimbangan berita* (ayat 2) *begitu menyeluruh – di halusi secara teliti* (ayat 3). Pernyataan “monumen hiasan kaku” sudah jelas maknanya iaitu sesuatu yang telah mati. Begitu juga dengan pernyataan “meliputi pelbagai perkara” sudah jelas maknanya adalah menyeluruh. Justeru terdapat penggunaan kata-kata tambahan yang maknanya sudah terangkum dalam pernyataan sebelumnya dengan tujuan untuk memberikan kesan mendalam kepada pendengar. Pendekatan ini adalah selari dengan prinsip ketiga teori iaitu pewacana mementingkan estetika dalam pemilihan diksi. Pewacana cenderung menggunakan diksi yang bersifat artistik yang mempunyai kehalusan makna dan memperlihatkan elemen kejelasan, keanggunan, dan kefasihan.

5. Hiperbola

Hiperbola ialah gaya bahasa yang mengandungi suatu pernyataan yang berlebihan dengan membesar-besarkan sesuatu hal (Gorys Keraf, 2000). Penggunaan hiperbola dalam teks kajian ialah:

1. tidak berundur, *walau setapak sekalipun* (para 19).
2. Tataurusian negara tidak berlaku *semudah tulisan di kertas* atau *ungkapan di bibir* (para 47).
3. peranannya bukan sahaja dinilai oleh warga di dunia ini, tetapi akan turut *diadili di Padang Mahsyar* nanti. (para 49).

Dalam menyatakan kewajipan rakyat berpendirian teguh mempertahankan perkara asas yang dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan, baginda menggunakan klausa

“tidak berundur *walau setapak sekalipun*”. Pernyataan “*walau setapak sekalipun*” digunakan dalam sosiobudaya Melayu dengan makna tidak sekali-kali mengalah dalam sesuatu perkara. Manakala klausa “*semudah tulisan di kertas* atau *ungkapan di bibir*” digunakan untuk memberikan gambaran kesukaran institusi raja dalam mengurus tadbir negara terutama berkaitan dengan usaha menyatukan rakyat dan memupuk kesetiaan kepada raja dan negara. Usaha berkenaan digambarkan tidak semudah membuat catatan di atas kertas atau tidak semudah bercakap sahaja. Dalam memperkatakan mengenai beratnya amanah yang dipikul oleh raja, baginda menggunakan retorik *turut diadili di Padang Mahsyar* sebagai menyatakan bahawa tanggungjawab yang dipikul bukan sahaja ditanggung di dunia, tetapi bebanannya akan terus dipikul hatta ke hari akhirat. Dalam budaya masyarakat yang rata-ratanya beragama Islam, petanda retorik ini mudah difahami kerana ia merupakan sebahagian daripada pegangan dalam ajaran agama mereka.

Justeru, pemahaman ungkapan retorik dalam ayat-ayat ini perlu dikaitkan dengan sosiobudaya dan persekitaran bahasa penutur, selaras dengan prinsip kelima retorik yang menyatakan pemahaman dan penginterpretasian ungkapan retorik memerlukan keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran seseorang pendengar atau pembaca.

6. Oksimoron

Oksimoron ialah gaya bahasa yang mengandungi pertentangan dengan menggunakan kata-kata yang berlawanan dalam frasa yang sama (Gorys Keraf, 2000).

Unsur-unsur ini dapat diperhatikan dalam contoh-contoh berikut:

1. Terpahat secara *tersirat* – tertera secara *tersurat* (para 18).
2. antara yang *tersurat* dengan yang *tersirat*; antara yang *terang* tertulis dengan semangat yang *terselindung* di sebalik yang *tertera* (para 29).
3. jangan sampai ke peringkat menggadaikan nasib ummah di *hari ini* dan di *hari muka* (para 19).
4. Baginda diperuntukkan kuasa *melantik* dan *membatalkan* lantikan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri (para 26).
5. Raja perlu mendapat pandangan seluas dan sedalam mungkin ... daripada *dalam* dan *luar* kerajaan, ... warga *tua* dan warga *muda*; menganalisis segala fakta secara teliti, halus lagi mendalam, membezakan antara *padi* dengan *antah*, antara *kaca* dengan *permata*, sebelum mengaplikasikan kuasa budi bicara yang diperuntukkan (para 31).
6. merangkai yang *lama* dengan yang *baru*, mengizinkan *modernisasi* di samping memelihara *tradisi* (para 50).
7. warga perlu bijaksana mengimbangkan antara tuntutan *tradisi* dan permintaan *modernisasi* (para 52).
8. menapis yang *keruh* menjadi *jernih*, membuang yang *bengkok* – mengambil yang *lurus* (para 53).
9. *perbezaan pandangan* itu sebenarnya adalah satu *kekuatan* yang dapat membantu berlakunya perseimbangan (para 54).
10. di sebalik segala *kepelbagaian pandangan* itu, pada akhirnya nanti, kita akan bersua dalam satu laluan intelek yang membolehkan berlakunya *pertemuan pemikiran* secara objektif lagi rasional (para 54).

Dalam contoh-contoh di atas beberapa perkataan dan ungkapan yang saling berlawanan makna digunakan untuk memantapkan penyampaian idea di samping mengindahkan bahasa ucapan. Klausa

tersirat dan tersurat digunakan untuk menyatakan mengenai kedudukan tujuh wasiat Raja Melayu yang sememangnya termaktub dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Klausa ini diulang penggunaannya sekali lagi dalam para ke-29 untuk menyatakan keharusan menafsirkan Perlembagaan Persekutuan dalam situasi tertentu. Klausa *di hari ini* dan *di hari muka* digunakan dengan tujuan memberi ingatan mengenai sikap berhati-hati yang perlu dalam menyentuh perkara-perkara asas yang termaktub dalam perlembagaan supaya rakyat tidak menyesal kemudian hari.

Terdapat banyak lagi contoh elemen ini dalam titah yang dikaji. Antaranya ialah klausa *melantik – membatalkan*, *dalam – luar*, *warga tua - warga muda*, *padi – antah*, *tradisi – modenisasi*, *keruh – jernih*, *bengkok – lurus*, dan *kepelbagaian pandangan – pertemuan pemikiran*. Suatu yang nyata di sebalik penggunaan kata-kata yang saling bertentangan ialah kekuatannya yang mampu menunjukkan makna yang lebih luas dan menyeluruh.

Apabila digabungkan perkataan *melantik dan membatalkan* dalam satu ayat ia menunjukkan keluasan kuasa raja, apabila digabungkan klausa *warga tua dan warga muda*, ia mengisyaratkan kepada keseluruhan lapisan masyarakat dalam negara dan apabila dirangkaikan antara *lama dan baru*, *tradisi dan modenisasi* dalam satu ayat ia mengisyaratkan kepada keseluruhan tindakan yang perlu dalam menerima perubahan dan memelihara tradisi. Ternyata pemilihan klausa yang saling bertentangan makna dalam satu ayat menyebabkan ucapan lebih menarik, bahasa lebih indah dan penyampaian menjadi lebih berkesan. Hal ini bertepatan dengan prinsip keempat retorik yang menegaskan bahawa retorik cenderung menggunakan diksi yang bersifat artistik yang mempunyai kehalusan makna dan

memperlihatkan elemen kebijaksanaan serta kejelasan.

Perbincangan

Berdasarkan kepada contoh dan huraian di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai gaya bahasa retorik dan kiasan yang diaplikasikan oleh Sultan Nazrin dalam titah baginda. Terdapat 12 teknik gaya bahasa yang diterapkan. Semua teknik ini dikesan

dalam 68 ayat daripada 218 jumlah keseluruhan ayat yang terkandung dalam teks yang dikaji. Kepelbagaian gaya bahasa yang diterapkan menunjukkan kecekapan pewacana dalam memperhalusi bahasa yang digunakan serta kekuatan idea yang ingin disampaikan. Jumlah keseluruhan gaya bahasa yang diterapkan oleh baginda boleh dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Gaya Bahasa Kiasan dan Retorik Dalam Titah Sultan Nazrin Berdasarkan Kekerapan

Bil	Jenis Gaya Bahasa	Kekerapan	Peratus
1	Oksimoron	17	24.6
2	Personifikasi	16	23.2
3	Asindeton	7	13.0
4	Alegori	4	5.8
5	Aliterasi	4	5.8
6	Tautologi	4	5.8
7	Metafora	4	4.3
8	Simile	3	4.3
9	Hiperbola	3	4.3
10	Paronomasia	3	4.3
11	Asonansi	2	2.9
12	Sinekdoke	1	1.4
Jumlah		68	100

Berdasarkan Jadual 1, oksimoron merupakan unsur retorik yang paling banyak diterapkan oleh baginda. Terdapat 17 unsur oksimoron yang dikesan dalam teks kajian. Penggunaan kata-kata yang saling berlawanan dalam satu ayat berfungsi memantapkan penyampaian idea, di samping mengindahkan bahasa. Melaluinya ucapan menjadi lebih menarik, bahasa lebih indah dan penyampaian lebih memberi kesan seperti yang ditegaskan dalam prinsip keempat teori.

Unsur personifikasi juga digunakan dengan meluas dalam teks yang dikaji. Terdapat 16 unsur ini yang dikesan telah diterapkan oleh baginda. Suatu yang jelas ialah elemen-elemen yang diterapkan ini sangat berkait dengan kebudayaan tempatan pewacana. Petanda retorik seperti berpayungkan negara, dianyam kukuh, roh negara, mengisi roh dan

seumpamanya memerlukan pendengar mengaitkannya dengan kebudayaan masyarakat setempat untuk memahami elemen personifikasi yang diterapkan bertepatan dengan prinsip kelima teori. Ternyata penggunaan elemen ini berfungsi menghaluskan makna di samping menajamkan lagi idea yang ingin diketengahkan.

Penggunaan unsur yang mementingkan kehalusan berbahasa dengan pemilihan diksi yang bercirikan estetika seperti asindeton, simile, alegori, asonansi, tautologi dan paronomasia pula mampu menarik perhatian pendengar, di samping menjadikan penyampaian makna lebih berkesan, bahasa lebih indah dan menarik. Justeru, secara keseluruhannya dapatan kajian menyokong prinsip teori retorik moden yang

menyarankan penyimpangan bentuk bahasa, penyimpangan dari sudut makna, bertujuan memberi kesan yang lebih mendalam, mementingkan estetika dalam pemilihan diksi dan penyusunan ayat serta keperluan keupayaan kognitif, psikologis, pemahaman sosial dan persekitaran bahasa yang terlibat dalam menginterpretasi makna yang dihasratkan. Hampir kesemua jenis penyimpangan, dilakukan dengan penuh kesedaran, niat baik, dan iltizam untuk membuktikan bahawa Bahasa Kebangsaan sememangnya berupaya untuk menggalas tanggungjawab sebagai bahasa persuratan negara.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis gaya bahasa langsung dan tidak langsung didapati gaya bahasa ini diterapkan dengan meluas dalam titah Sultan Nazrin. Gaya bahasa kiasan seperti metafora, personifikasi, simile, alegori, sinekdoke diaplikasi dengan berkesan oleh baginda. Begitu juga dengan gaya bahasa retorik seperti aliterasi, asonansi, asindeton, tautologi, hiperbola, oksimoron dan paronomasia. Melalui hasil analisis ini boleh disimpulkan bahawa di samping menggunakan bahasa biasa yang mudah difahami, baginda juga cenderung menerapkan bahasa-bahasa puitis yang indah dan menarik, bersifat figuratif atau menunjukkan makna yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasa. Kekuatan yang ketara dimiliki oleh baginda ialah keupayaannya dalam aspek pemilihan kata yang mempunyai makna mendalam, bersifat kiasan dan terselindung di sebaliknya lambang-lambang tertentu.

Penggunaan elemen-elemen seumpama ini menjadikan titah baginda berkesan dan sampai ke sasaran. Hal ini secara tidak langsung mengangkat martabat Bahasa Kebangsaan sebagai wadah dalam

menyampaikan sesuatu amanat. Berdasarkan keseluruhan analisis, ternyata bahawa teks ini dibina dengan kesedaran dan penuh dengan rasa tanggung jawab. Ketinggian budi pekerti Sultan Nazrin sangat seimbang dengan daya intelektual yang baginda miliki. Oleh itu, titah seumpama ini bukan lagi menjadi *benchmark* tetapi sudah berubah menjadi *trademark* baginda. Sebagai Sultan dan pemerintah di Negeri Perak, penonjolan begini selari dengan hasrat baginda untuk menyampaikan titah sebagai panutan seluruh hamba rakyatnya sebagai *role model*. Kajian ini hanya menilai elemen gaya bahasa dalam titah baginda. Kajian dari sudut lain juga wajar diketengahkan seumpama kajian dari sudut pengaruh titah Diraja ke atas komuniti atau retorik Diraja dalam konteks komunikatif yang lebih luas.

Rujukan

- Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 02, pp 49-59.
- Enos, T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. New York: Sage Language Society.
- Gorys Keraf. (2000). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mavrodieva, I. (2020). A Comparative Rhetorical Analysis of the Speeches of Queen Elizabeth II and King George VI. *Rhetoric and Communications Journal*, 43 (April 2020), pp. 56-67.
- Natalya V. P & Oksana O. (2018). Interjections in the speech of British

- royal family members. *Training, Language and Culture*. 2 (4), pp. 84-96.
- Nazrin Shah (2004). *The Monarchy in Contemporary Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Nur Ashikin binti Othman et al. (ed). (2015). *Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel "Orang Kota Bharu". *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(2), pp. 13-22.
- Nurulain Abdul Razak, Che Ibrahim Salleh & Hashim Musa. (2016). Titah Ucapan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan Oleh Sultan Muhammad V: Satu Analisis Retorik. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, Jilid 3 (1): pp. 79 - 93.
- Pejabat D.Y.M.M Paduka Seri Sultan Perak. (2017). Konvensyen memperkukuh pasak negara ke arah wasiat lebih tersurat. Retrieved from <http://sultan.perak.gov.my/index.php/inf/ormasi-kesultanan-tepi/sultan-raja-raja-bergelar/27-titah-tuanku/226-konvensyen-memperkukuh-pasak-negara-ke-arrah-wasiat-lebih-tersurat>.
- Rahim Aman & Norfazila Ab Hamid. (2015). Strategi Wacana Komunikasi Teks Tengku Razaleigh Hamzah: Satu Analisis Kebahasaan. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 31(1), pp. 205-220.
- Raja perlu dipersembah nasihat. (2019, Oktober 18). Sinar Harian, pp. 10.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik Dalam Novel-novel Abdullah Hussain*. Tesis PhD. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Sultan Nazrin Shah. (2009). Seminar antarabangsa legasi pemikiran syed Hussein al-Atas. Retrieved from <https://sultannazrinshah.com/seminar-antarabangsa-legasi-pemikiran-syed-hussein-alatas/>.
- Sultan Nazrin Shah. (2016). Majlis titah diraja Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from <https://sultannazrinshah.com/majlis-titah-diraja-anjuran-dewan-bahasa-dan-pustaka/>.
- Tarigan. (1981). *Berbicara Sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Winter, I. J. (1981). Royal Rhetoric and the Development of Historical Narrative in Neo-Assyrian Reliefs. 7 (2), 2-38.
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang (Disertasi Sarjana)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A Rhetorical Analysis of the Selected Speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the Issues of Independence for Malaya, 1951-1957 (Thesis PhD)*. Ohio: University of Ohio.